

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



SOFBOL

1. PERATURAN TEKNIKAL

- 1.1 Selain dari peraturan – peraturan yang terkandung, pertandingan ini akan dijalankan :
 - 1.1.1 Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.
 - 1.1.2 Mengikut Peraturan-peraturan Persatuan Sofbol Malaysia (SAM) dan Undang-undang Permainan Sofbol Persekutuan Sofbol Antarabangsa (ISF/WBSC) yang dikuatkuasakan pada ketika ini (**The International Softball Federation Playing Rules Committee**).
- 1.2 Pertandingan ini dijalankan secara berpasukan diantara Universiti-Universiti Awam Malaysia dan Universiti Jemputan MASUM di dalam kategori :
 - 1.2.1 Berpasukan lelaki
 - 1.2.2 Berpasukan wanita
- 1.3 Pendaftaran pemain dan pembentukan pasukan adalah seperti berikut :
 - 1.3.1 Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada tujuh belas (170) orang pemain, seorang (1) pengurus pasukan dan dua (2) orang jurulatih.
 - 1.3.2 Pengurus dan Jurulatih pasukan tidak boleh didaftarkan sebagai pemain.
 - 1.3.3 Senarai nama pemain untuk setiap perlawanan hendaklah diserahkan kepada Pegawai Teknikal Pertandingan 30 minit sebelum perlawanan dimulakan bersama kad akreditasi atlet.
 - 1.3.4 Hanya pemain yang didaftarkan dalam borang pendaftaran pemain sahaja yang dibenarkan bermain dalam pertandingan tersebut.
 - 1.3.5 Kelayakan pendaftaran pemain adalah berdasarkan kepada **Perkara 4 Peraturan Am SUKAN MASUM**.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2. PERATURAN PERTANDINGAN

2.1 Sistem pertandingan

- 2.1.1 Adalah merujuk Perkara 10 Peraturan Am SUKAN MASUM.
- 2.1.2 Pertandingan peringkat awal akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam kumpulan masing-masing.
- 2.1.3 Dua (2) pasukan yang memperolehi mata tertinggi dalam setiap kumpulan akan mara ke peringkat kalah mati.
- 2.1.4 Semua perlawanan adalah perlawanan masa terhad selama dua (2) jam atau 7 inning yang mana terdahulu.
- 2.1.5. Perlawanan akan ditamatkan jika salah satu pasukan mendahului lawannya dengan perbezaan 15 larian pada akhir inning ke-3, 10 larian pada akhir inning ke-4, dan 7 larian pada akhir inning ke-5.
- 2.1.7 Jika keputusan masih seri, perlawanan '**tie-breaker**' akan dijalankan.

2.2 Pemberian mata

2.2.1 Secara Liga:

Cara Memberi Mata:		
Menang	-	2 mata
Kalah	-	1 mata
Forfeit	-	0 mata

- 2.2.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama Maka pemenang akan ditentukan seperti berikut :
 - 2.2.2.1 Keputusan perlawanan diantara pasukan terbabit diambil kira. Pasukan yang mempunyai "larian kena" yang paling rendah akan diisyiharkan layak ke pusingan seterusnya.
 - 2.2.2.2. Jika masih seri, pasukan yang pernah mengalahkan lawannya akan dikira menang.

2.3 Pematuhan pakaian

- 2.3.1 Sila rujuk Perkara 8 Peraturan Am SUKAN MASUM.
- 2.3.2 Semua pemain dalam setiap pasukan mestilah memakai jersi yang seragam dan bernombor. Kedua-dua pasukan yang bertanding tidak boleh menggunakan jersi yang sama warna.
- 2.3.3 Jika kedua dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan yang namanya terdahulu tercatat dalam jadual pertandingan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



- 2.3.4 Jika terdapat pasukan yang memakai topi (*cap*) atau tudung. Warna topi (*cap*) atau tudung mestilah sama warna bagi setiap pemain dalam pasukan tersebut.

2.4 Pematuhan Peralatan

- 2.4.1 Bola "**ISF/SCA Leather Match Ball**" atau setara dengannya akan digunakan untuk pertandingan ini dan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.
- 2.4.2 Semua alatan pemain mestilah mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh ISF/WBSC. Pengadil pertandingan akan membuat pemeriksaan alatan bagi setiap pasukan sebelum perlawanan bermula dan bila-bila masa jika perlu di sepanjang kejohanan berlangsung. Jika terdapat peralatan yang tidak mengikut piawaian yang telah ditetapkan, pihak pengadil berhak tidak membenarkan pasukan tersebut menggunakan peralatan yang tidak diluluskan untuk kegunaan pertandingan.
- 2.4.3 *Catcher* diwajibkan memakai *face mask*, *throat protector*, *body protector*, *shin guard* dan *catcher helmet* semasa pertandingan dijalankan.
- 2.4.4 Topi keledar (*helmet*) adalah diwajibkan kepada semua pemain ketika menjadi penyerang iaitu pemukul, pelari base dan pemukul menunggu.
- 2.4.5 Alatan permainan di atas padang adalah tanggungjawab setiap pasukan. Pengadil berhak menentukan bahawa tiada alatan yang dibiarkan berselerak yang boleh menghalang permainan atau mencederakan pemain atau pengadil.
- 2.4.5 Penyediaan padang pertandingan dan peralatan yang digunakan untuk pertandingan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

2.5 Ketua Pengadil/Pengadil/Pencatat Skor

- 2.5.1 Sila rujuk Perkara 7 Peraturan Am SUKAN MASUM.
- 2.5.2 Ketua Pengadil, Pengadil dan Pencatat Skor yang bertugas akan dilantik oleh Jawatankuasa Pengelola Kejohanan.

2.6 Penangguhan Perlawanan

- 2.6.1 Sila rujuk Perkara 13 Peraturan Am SUKAN MASUM dan perkara seperti berikut :

- 2.6.1.1 Sekiranya perlawanan terpaksa ditangguhkan akibat cuaca atau perkara-perkara yang tidak dapat dielakkkan maka perlawanan akan disambung semula mengikut baki masa perlawanan yang dihentikan dan mengikut giliran memukul yang sama.

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.7 Menarik Diri Dan Menyerah Kalah

- 2.7.1 Sila rujuk Perkara 14 Peraturan Am SUKAN MASUM dan perkara seperti berikut :

- 2.7.1.1 Pasukan yang menarik diri akan dibatalkan penyertaanya dan semua larian dan mata bagi perlawanan sebelumnya tidak akan dikira.

2.8 Kelewatan

- 2.8.1 Sila rujuk Perkara 12 Peraturan Am SUKAN MASUM dan perkara seperti berikut :

- 2.8.1.1 Hanya 15 minit sahaja diberi kepada pasukan yang lewat dan jika selepas masa itu masih tidak hadir, maka pasukan itu dikira menarik diri dan pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan dua (2) mata dan bilangan larian 7-0.

2.9 Penggantungan Dan Tindakan Tatatertib

- 2.9.1 Sila rujuk Perkara 19 Peraturan Am SUKAN MASUM dan perkara seperti berikut :

- 2.9.1.1 Semua pemain atau pegawai yang dibuang padang oleh mana-mana pengadil atau Jawatankuasa Pengelola disebabkan masalah disiplin akan terus digantung penglibatannya dalam perlawanan seterusnya dan kejohanan tersebut.

2.10 Bantahan Dan Rayuan

- 2.10.1 Sila rujuk Perkara 15, 16 dan 17 Peraturan Am Sukan SUKAN MASUM dan perkara seperti berikut :

- 2.10.1.1 Semua bantahan pertandingan hendaklah diselesaikan di padang permainan "*under protest*". Bantahan tidak akan dilayan setelah tamat perlawanan atau atas sebab keputusan pengadil "*judgment call*".

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



2.12 Hadiah / Medal / Sijil / Piala Iringan

2.12.1 Sila rujuk Perkara 20, 21 dan 22 Peraturan Am Sukan MASUM.

2.12.2 Jumlah pingat yang dipertandingkan :

Acara Sukan	Pingat			Catatan
	Emas	Perak	Gangsa	
Sofbol Lelaki	1	1	1	Medal hanya diberi kepada atlet sahaja
Sofbol Wanita	1	1	1	

2.13 Peraturan Lain Yang Tidak Dinyatakan

2.13.1 Sila rujuk Perkara 23 Peraturan Am SUKAN MASUM.

3. RINGKASAN PENYERTAAN

3.1 Pendaftaran atlet dan pegawai bagi setiap pasukan yang bertanding adalah seperti berikut :

Acara Sukan	Jumlah Atlet Lelaki	Jumlah Atlet Wanita	Pengurus	Jurulatih	Jumlah Keseluruhan
Sofbol Lelaki	17	-	1	2	20
Sofbol Wanita	-	17	1	2	20
	17	17	2	4	40 orang